

Libya ingin pelajari 'rahsia kejayaan' kita

UM 2 1 APR 2002

Daripada SIRAJUDDIN RAFIA

TRIPOLI 20 April — Libya akan menghantar satu delegasi, ekonomi peringkat tertinggi ke Malaysia, yang mungkin diketuai sendiri oleh pemimpinnya, Kolonel Muammar Gaddafi, untuk mempelajari 'rahsia kejayaan' Malaysia dalam menfadbirkan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan demikian berkata, Malaysia bersifat terbuka dan sedia memberi kerjasama penuh dan mengajar mereka dalam segala aspek sekalipun yang diperlukan oleh Libya, "tanpa sebarang rahsia."

Beliau memberitahu para wartawan Malaysia pada akhir kunjungan tiga harinya ke Libya bahawa Gaddafi amat berminat untuk mempelajari kejayaan Malaysia membangunkan negara, khususnya dalam menggubal dasar dan mengukuhkan ekonomi tanpa bergantung kepada sebarang agensi asing.

Ini terutama sekali cara Malaysia berupaya menangani krisis kewangan dan mendapatkan pelaburan asing, di samping Malaysia mengekalkan kestabilan, keamanan dan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum, kata beliau.

Itulah sebabnya walaupun Dr. Mahathir berada di Tripoli hanya untuk kunjungan singkat, beliau tiga kali menemui Gaddafi.

Pertemuan pertamanya memang sudah diatur, tetapi dua pertemuan berikutnya adalah atas permintaan Gaddafi sendiri.

Pertemuan terakhirnya malam tadi mengejutkan ramai orang apabila tiba-tiba sahaja sebuah kereta peribadi Gaddafi datang ke hotel penginapannya untuk membawa Dr. Mahathir ke kediaman Gaddafi.

"Bayangkanlah malam tadi saya terpaksa makan malam dua kali," katanya disambut dengan gelak ketawa para wartawan yang memang mengetahui beliau telah pun makan sebelum itu apabila beliau

diajak sekali lagi oleh Gaddafi untuk makan bersamanya.

Dalam ketiga-tiga pertemuan itu, menurut Perdana Menteri, Gaddafi telah menghujannya dengan pelbagai soalan mengenai Malaysia.

"Sehingga semalam beliau tanya lagi macam mana kita buat dasar luar, macam mana kita boleh buat sesuatu yang dapat menolak agensi antarabangsa yang lebih berpengaruh dan masih berjaya dan macam-macam lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau amat kagum dengan minat yang ditunjukkan oleh Gaddafi.

"Saya juga ada jumpa dengan pemimpin sesetengah negara lain yang menghadapi masalah ekonomi, tetapi tak ada satu soalan pun yang tanya macam mana kita mentadbir ekonomi.

"Tetapi Gaddafi nampak amat berminat sekali," tambah Dr. Mahathir.

Perdana Menteri mengadakan sidang akhbar dalam pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH4802 semasa berada di paras ketinggian 12,496 meter dari bumi ketika penerbangan dari Tripoli ke Manama untuk memulakan lawatan kerja selama dua hari ke Bahrain.

Sidang akhbar itu yang sepatutnya diadakan malam tadi tetapi terpaksa ditangguhkan sehingga dalam penerbangan hari ini disebabkan kesuntukan masa ekoran perubahan-perubahan waktu atur cara rasmi kerana permintaan Gaddafi.

Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia bersikap terbuka dan sedia memenuhi keperluan Libya.

"Kita sanggup bila-bila masa, dia nak apa kita buat, kita sanggup bagi semua maklumat. Dia kata nak tahu mengenai undang-undang dan dasar berkenaan pelaburan, mengenai amalan berkaitan pelaburan asing, termasuk macam mana kita adakan dialog dengan pelabur.

"Semua ini mereka ingin tahu dan kita akan bagi kepada mereka, tidak ada rahsia," ujar Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, Libya akan menghantar satu delegasi ke Malaysia yang akan diketuai oleh Menteri Ekonominya bagi meninjau dan mempelajari perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Gaddafi.

"Saya juga ada jemput Gaddafi sendiri dan saya harap dia datang," katanya.